JABATAN KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 23,
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR),
PETI SURAT 3007
10990 PULAU PINANG
TEL : 604-262 3505 / 3512
FAKS : 604-261 4399 (PEGAWAI KEWANGAN NEGERI)
604-264 5860 (TINGKAT 18)

Ruj Kami : JKNPP.400-4/2/1(10)

Tarikh :26 November 2026
16 Jamadilakhir 1448H

Ketua Jabatan
Negeri Pulau Pinang

YB Dato' Dr./YB Dato'/Sahibus Samahah/YAA/YBhg. Dato'/Dr./Ir./Tuan/Puan,

TARIKH DAN PERATURAN PEMBAYARAN EMOLUMEN TAHUN 2027
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 105 dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 5 Tahun 2026 JANM.600-20/2/7 Jld.4 (1), pembayaran emolumen tahun 2027 Kerajaan Negeri Pulau Pinang ditetapkan seperti di **Lampiran 1.**

3. Ketua Jabatan dikehendaki mematuhi peraturan pembayaran emolumen seperti berikut:

3.1 **Pembayaran Melalui Sistem Emolumen Berkomputer (iSPEKS)**

3.1.1 Memastikan data Perubahan Gaji dikunci masuk melalui sistem iSPEKS mengikut tarikh yang ditetapkan seperti di **Lampiran 2**;

3.1.2 Memastikan semua arahan bagi potongan emolumen adalah lengkap dan tepat dengan nama, nombor kad pengenalan dan nombor rujukan potongan; dan

3.1.3 Menyemak ketepatan maklumat pada laporan Fail Induk Gaji dan mengambil tindakan serta-merta untuk membuat pelarasan dan pembetulan sekiranya perlu.

3.2 **Pembayaran Emolumen Bagi Pekerja Bergaji Hari**

3.2.1 Memastikan pembayaran emolumen diproses bermula pada 1 hari bulan atau hari pertama bekerja bulan berikutnya dan tarikh pembayaran emolumen adalah selewat-lewatnya pada hari ketujuh bekerja bulan berikutnya; dan

Ruj Kami : JKNPP.400-4/2/1(10)
Tarikh : 26 November 2026
16 Jamadilakhir 1448H

3.2.2 Selaras dengan AP105, emolumen bagi pekerja bergaji hari juga boleh dibayar lebih awal iaitu tidak lebih dari tujuh hari sebelum tarikh hari perayaan yang berkenaan. Walau bagaimanapun jumlah emolumen yang dibayar hendaklah berdasarkan tempoh hari bekerja sebenar sehingga tarikh pembayaran dibuat.

3.3 **Pembayaran kepada Personal MySTEP**

Kaedah pembayaran upah kepada Personel MySTEP yang dilantik di bawah Inisiatif *Malaysia Short Term Employmet Programme* (MySTEP) adalah berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 5 Tahun 2025 yang berkuat kuasa.

4. Ketua Jabatan hendaklah memastikan semua pembayaran emolumen dilaksanakan melalui Sistem Emolumen Berkomputer (iSPEKS) kecuali bagi kes-kes tertentu. Pembayaran emolumen hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa. Sebarang perubahan pembayaran emolumen hendaklah dibuat melalui Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8) serta Borang Perubahan Gaji (Kew. 320) yang disokong dengan dokumen yang berkaitan.

5. Sila hubungi Unit Gaji, Bahagian Pengurusan Perakaunan (Bendahari Negeri) di talian 04-6505189/04-2623505 samb.115 untuk sebarang pertanyaan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"

Saya yang menjalankan amanah,

(MASNI ARYANTI BINTI MOHAMED AMIN C.A.(M))
Bendahari Negeri
b.p. Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang
☎ : 604-6505185
✉ : masni.aryanti@penang.gov.my

e.d : YB Pegawai Kewangan Negeri

Lampiran 1

JADUAL PEMBAYARAN EMOLUMEN BULANAN
BAGI TAHUN 2027

BULAN	BAYARAN		CATATAN
	TARIKH	HARI	
JANUARI	21.01.2027	KHAMIS	
FEBRUARI	23.02.2027	SELASA	Tahun Baru Cina 6 & 7 Februari 2027 (Sabtu & Ahad)
MAC	23.03.2027	SELASA	Hari Raya Puasa 10 & 11 Mac 2027 (Rabu & Khamis)
APRIL	22.04.2027	KHAMIS	
MEI	12.05.2027	RABU	Hari Raya Haji 17 & 18 Mei 2027 (Isnin & Selasa)
JUN	17.06.2027	KHAMIS	
JULAI	21.07.2027	RABU	
OGOS	23.08.2027	ISNIN	
SEPTEMBER	23.09.2027	KHAMIS	
OKTOBER	21.10.2027	KHAMIS	Hari Deepavali 28 Oktober 2027 (Khamis)
NOVEMBER	23.11.2027	SELASA	
DISEMBER	20.12.2027	ISNIN	Hari Krismas 25 Disember 2027 (Sabtu)

***Tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa**

Lampiran 2

TARIKH PERUBAHAN GAJI (KEW. 320)
BAGI TAHUN 2027

	PERUBAHAN GAJI (KEW. 320)	
BULAN GAJI	**TARIKH MULA**	**TARIKH AKHIR**
JANUARI	04.01.2027	08.01.2027
FEBRUARI	25.01.2027	03.02.2027
MAC	25.02.2027	03.03.2027
APRIL	24.03.2027	02.04.2027
MEI	23.04.2027	03.05.2027
JUN	24.05.2027	02.06.2027
JULAI	21.06.2027	02.07.2027
OGOS	26.07.2027	04.08.2027
SEPTEMBER	24.08.2027	02.09.2027
OKTOBER	24.09.2027	04.10.2027
NOVEMBER	25.10.2027	05.11.2027
DISEMBER	24.11.2027	02.12.2027

***Tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa**